

Rakyat boleh isi borang banci melalui e-Census

KUALA LUMPUR, 24 Mei – Seajar dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi di negara ini, orang ramai buat pertama kalinya boleh mengisi sendiri soal selidik secara dalam talian atau *e-Census* untuk Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010.

Pesuruhjaya Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 Datuk Wan Ramlah Wan Abdul Raof berkata, mereka boleh menggunakan ID dan kata laluan yang dibekalkan melalui laman web www.statistics.gov.my.

Beliau berkata, *e-Census* merupakan salah satu daripada dua kaedah baru pengumpulan data yang diperkenalkan untuk memudahkan penduduk yang tinggal di bandar yang bekerja dan sukar ditemui pada hari-hari bekerja.

“Satu lagi ialah *drop-off and pick up* iaitu kaedah meninggalkan Kit Banci untuk responden mengisi sendiri dokumen berkenaan serta pembanci akan kembali pada tarikh yang dipersetujui untuk mengambil semula dokumen yang telah lengkap diisi,” katanya kepada *Bernama* di sini hari ini.

Beliau berkata, pembancian akan dijalankan dari 6 Julai hingga 22 Ogos tahun ini, yang akan melibatkan



WAN Ramlah menunjukkan pas yang bakal digunakan oleh pegawai banci penduduk dan perumahan.

36,000 pembanci dan 3,000 penyelia, membabitkan kira-kira 29 juta penduduk Malaysia atau 18.97 peratus peningkatan berbanding dengan bancian kali terakhir pada 2000.

“Saya berharap orang ramai dapat memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pembanci yang datang ke kediaman mereka untuk menjalankan pembancian,” tambahnya. - BERNAMA